

TAHAP PENGAWALAN PUNAK PENGURUSAN POLITEKNIK  
DALAM MENGURANGKAN GEJALA SOSIAL DI  
KALANGAN PELAJAR

SITI MARIAM BINTI SAMAT

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00079372 3

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : TAHAP PENGAWALAN PIHAK PENGURUSAN POLITEKNIK  
DALAM MENGURANGKAN GEJALA SOSIAL DI KALANGAN  
PELAJAR

SESI PENGAJIAN : 2002 / 2003

Saya : SITI MARIAM BINTI SAMAT (760612-03-5338)

**(HURUF BESAR)**

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (√)


SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh  
  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap :

Kampung Alor Pasir,  
17500 Tanah Merah,  
Kelantan.


EN ABDUL TALIB BIN BON

Nama Penyelia

Tarikh : 20/9/02

Tarikh : 20.9.02

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : EN. ABDUL TALIB BIN BON  
Tarikh : 20 SEPTEMBER 2002

**TAHAP PENGAWALAN PIHAK PENGURUSAN POLITEKNIK DALAM  
MENGURANGKAN GEJALA SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR**

**SITI MARIAM BINTI SAMAT**

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah

Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional


Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

**PENGAKUAN PENYELIDIK**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :   
Nama Penulis : SITI MARIAM BINTI SAMAT  
Tarikh : 20 SEPTEMBER 2002

## DEDIKASI

Buat Allahyarham Ayahanda Dan Alahyarhamah Bonda Tercinta, Samat Bin  
Latiff Dan Zainab Binti Setapa,

...Terima kasih di atas kasih sayang dan pengorbanan ayah bonda yang tak  
pernah bertepi buatku. Sesungguhnya jasamu ayah bonda tidak terbalas  
olehku.

Buat Kak Nik dan Kak Imah serta abang Faudzi dan Kak Dah tersayang yang  
banyak berkorban untukku.

...Sesungguhnya jasa kalian tidak akan kulupakan.

Tidak lupa untuk anak-anak buah tersayang, Izan, Man, Zailani, Hafiz, Iwan,  
Farah, Imi, Tasnim, Ariff dan Ridhuan.

...Kalianlah yang menceriakan hidupku.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah izinnya dapatlah saya menyiapkan Projek sarjana ini pada masa yang telah ditetapkan. Penghargaan ikhlas ditujukan kepada penyelia projek, Tn. Hj. Talib Bin Bon di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini. Tidak ketinggalan kepada Dr. Maizam Alias yang memberi cadangan dan buah fikiran dalam menyiapkan projek ini.

Tidak lupa kepada pengarah dan pensyarah-pensyarah Politeknik Kota Bharu yang memberikan sokongan dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik bagi menyiapkan projek sarjana ini.

Jutaan terima kasih kepada keluarga yang banyak menyokong hasrat dan perjuanganku dengan memberi sepenuh tumpuan dan perhatian sepanjang pengajianku.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan projek sarjana ini.



## ABSTRAK

Kebelakangan ini gejala sosial di kalangan pelajar sama ada di sekolah mahupun di Institusi Pengajian Tinggi semakin membimbangkan kita. Berita-berita dan laporan media massa dan elektronik tentang gejala sosial seperti berdua-duaan (*coupling*), berpelesenan, bersekedudukan, membuang bayi dan pergaulan bebas kerap kali dilaporkan dan semacam sudah menjadi perkara biasa. Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengawalan dan tahap kejayaan pengawalan yang dilakukan oleh pihak pengurusan politeknik dalam menangani gejala sosial di kalangan pelajar. Kajian ini dijalankan di Politeknik Kota Bharu dan 100 orang pensyarahnya dikenalpasti sebagai responden kajian. Data-data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS)* Versi 10.0 melibatkan peratusan dan purata min. Dapatan kajian mendapati bahawa pihak pengurusan politeknik sudah melakukan pengawalan yang tinggi dalam menangani masalah ini. Namun mungkin disebabkan faktor-faktor di luar kawalan maka gejala sosial dilihat masih berlaku di politeknik walaupun ianya tidaklah berapa serius.

## ABSTRACT

Recently, the social problems among students whether in school or institution of higher learning are fearing us. News about the social problem such as coupling, hanging around, having unmarried sex, abandonment of babies and free life practice were reported everyday. So, this study's purpose is to identify the controlling level taken by polytechnic's management in handling social problems among it's students and to access the effectiveness controlling level as well. This study was conducted in Politeknik Kota Bharu where 100 lectures were identify as the respondents. The data were analysed using *Statistical Package Of Social Science (SPSS) Version 10.0* software and were presented by percentage and mean scores. The findings revealed that the controlling level taken by polytechnics management in handling this issue was high in several aspect and the effectiveness level is also high in several aspect. However, the social problem is still keep going might due to external environment factors.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN PENYELIDIK</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	x
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
 <b>BAB I</b>	 <b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.3.1 Pendidikan	5
	1.3.2 Taraf hidup	5
	1.3.3 Pengaruh Persekitaran	6
	1.3.4 Faktor Keluarga	6
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9

1.7	Skop Kajian	9
1.8	Definisi Istilah	9
1.8.1	Gejala Sosial	9
1.8.2	Remaja	10
1.8.3	Rakan Sebaya	11
1.8.4	Tahap	12
1.8.5	Pengawalan	12
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Statistik Gejala Sosial	15
2.3	Ciri-ciri Remaja Bermasalah	17
2.4	Langkah Penyelesaian	19
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	21
3.2	Rekabentuk Kajian	21
3.3	Responden Dan Sumber Data	22
3.4	Instrumen Kajian	23
3.5	Kaedah Analisis Data	26
3.6	Kajian Rintis	28
3.7	Batasan Kajian	29
<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	30
4.2	Analisis Bahagian A	31
4.2.1	Jantina	31
4.2.2	Umur	32
4.2.3	Bangsa	33
4.2.4	Tempoh Berkhidmat	34
4.3	Analisis Bahagian B	35

4.4	Analisis Bahagian C	42
-----	---------------------	----

## **BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	49
5.2	Perbincangan	50
5.2.1	Langkah Pengawalan Dan Kejayaan Pengawalan	50
5.2.1.1	Merokok	50
5.2.1.2	Etika Pakaian	50
5.2.1.3	Berdua-duaan	51
5.2.1.4	Keluar Masuk	51
5.2.1.5	Aktiviti	51
5.2.1.6	Kawalan Keselamatan	52
5.2.1.7	VCD Lucah	52
5.3	Kesimpulan Kajian	53
5.4	Cadangan	63
5.4.1	Pihak Pengurusan Politeknik	53
5.4.2	Para Pelajar	54
5.4.3	Ibubapa	54
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	55
5.6	Penutup	55
	<b>SENARAI DOKUMEN RUJUKAN</b>	56
	<b>LAMPIRAN A</b>	61
	<b>LAMPIRAN B</b>	68
	<b>LAMPIRAN C</b>	72

## SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Statistik pelajar yang ditangkap pada tahun 1998 dan 1999	16
2.2	Bil. Pelajar yang ditangkap mengikut umur.	16
3.1	Skala Pemeringkatan Likert	26
3.2	Pengelasan keputusan setuju dan tidak setuju	27
3.3	Ukuran tahap kecenderungan	28
4.1	Peratusan responden mengikut jantina	32
4.2	Peratusan responden mengikut umur	32
4.3	Peratusan responden mengikut bangsa	33
4.4	Peratusan responden mengikut tempoh berkhidmat	34
4.5	Skala dan keputusan analisis	35
4.6	Ukuran tahap kecenderungan	36
4.7	Tafsiran min tahap pengawalan oleh pihak pengurusan politeknik	36
4.8	Min tahap pengawalan dari aspek merokok	37
4.9	Min tahap pengawalan dari aspek etika pakaian	37
4.10	Min tahap pengawalan dari aspek berdua-duaan	38
4.11	Min tahap pengawalan dari aspek keluar masuk pelajar	39
4.12	Min tahap pengawalan dari aspek aktiviti	40
4.13	Min tahap pengawalan dari aspek kawalan	

	keselamatan	40
4.14	Min tahap pengawalan dari aspek VCD lucah	41
4.15	Tafsiran Min kejayaan pengawalan oleh pihak pengurusan politeknik	42
4.16	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek merokok	43
4.17	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek etika pakaian	43
4.18	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek berdua-duaan	44
4.19	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek keluar masuk Pelajar	45
4.20	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek aktiviti	46
4.21	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek kawalan keselamatan	47
4.22	Min tahap kejayaan pengawalan dari aspek VCD lucah	48

**SENARAI SINGKATAN**

IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
KS	-	Kurang Setuju
PKB	-	Politeknik Kota Bharu
SPSS	-	Statistical Package For Social Sciences
MBM	-	Majlis Belia Malaysia
VCD	-	Video Compact Disk



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	61
B	Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis	68
C	Hasil Dapatan SPSS	72

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Keruntuhan akhlak di kalangan remaja merupakan salah satu penyakit sosial di dalam masyarakat kita hari ini. Zaman remaja sering dianggap saat yang paling indah dalam kehidupan manusia. Pada peringkat ini para remaja melalui pelbagai perubahan dalam diri yang tidak stabil, keluh kesah dan tidak dapat mengawal emosi (Hasnah dan Mat Saad, 1995).

Umumnya gejala sosial melibatkan semua peringkat remaja sama ada yang masih di alam persekolahan mahupun yang sudah bekerja tanpa mengira kaum atau agama. Antara bentuk gejala sosial yang biasanya berlaku ialah seperti lepak, penagihan dadah dan pil khayal, *black metal*, ponteng sekolah, menonton bahan lucah, pelacuran hinggalah kepada pergaulan bebas yang membawa kepada kelahiran anak luar nikah (Utusan Malaysia, 21 Januari 2002).

Gejala sosial kini sudah menjadi satu masalah yang melibatkan semua pihak seperti ibu bapa, para pendidik, para pemimpin, pihak media dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO). Melalui berita-berita yang disiarkan melalui media massa didapati ramai remaja yang ditangkap terlibat dalam berbagai-bagai aktiviti sosial seperti

penagihan dadah, mencuri, gengsterisme, bergaduh dan melakukan maksiat di kalangan jantina yang berlainan.

Menurut Manja Mohd Ludin (1990), antara beberapa faktor yang mendorong seseorang remaja terlibat dengan gejala sosial ialah:

1. Para remaja yang tidak bersekolah dan tidak mempunyai tujuan hidup yang menyebabkan mereka mundar-mandir tanpa tujuan yang akhirnya akan terlibat dengan gejala sosial.
2. Perpindahan keluarga dari satu tempat ke tempat lain yang menyebabkan ahli keluarga tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut.
3. Keadaan keluarga yang miskin dan tidak mampu untuk menyediakan kemudahan yang sepatutnya diterima oleh anak-anak.
4. Bergaul dengan rakan sebaya yang mempunyai akhlak yang tidak baik.
5. Para remaja yang terbiar disebabkan oleh ibubapa yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka mendidik anak-anak dengan baik.
6. Keadaan rumah yang tidak selesa seperti tinggal di kawasan setinggan dan rumah yang sempit.
7. Perpecahan dan perceraian kedua ibu bapa yang menyebabkan anak-anak tidak mendapat kasih sayang yang cukup.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pembangunan pesat negara sama ada disedari ataupun tidak mengakibatkan perubahan sosial yang drastik dan memberi kesan hebat kepada kehidupan sosial remaja. Remaja menjadi fokus perbincangan semasa sering dikaitkan sebagai golongan yang bermasalah. Mereka sering dikaitkan dengan pelbagai masalah, bermula daripada kenakalan hinggalah kepada melakukan sesuatu tindakan yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat, peraturan dan undang-undang negara.

Permasalahan yang dihadapi oleh remaja hari ini menjadi petunjuk kepada keruntuhan akhlak yang perlu ditangani segera supaya ia tidak menjadi lebih buruk dan tidak menular sebagai penyakit yang boleh merosakkan masyarakat serta kestabilan negara. Masalah sosial remaja boleh menghakis nilai moral serta keharmonian diri individu dan jika dibiarkan boleh menghancurkan potensi remaja yang bakal menjadi pencorak dan penggerak pembangunan negara di masa hadapan.

Menurut Adnan Abu Bakar (1999), sebagai generasi muda remaja sebenarnya mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara. Tanpa sumbangan mereka pembangunan negara akan terjejas dan sukar dilaksanakan. Wawasan 2020 mempunyai matlamat membina negara Malaysia maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 menurut acuan kita sendiri. Matlamat ini perlu difahami oleh remaja. Mereka perlu membina keyakinan diri untuk merealisasikan cita-cita tersebut. Ini memerlukan semangat dan keprihatinan yang mendalam serta berterusan. Daya saing, daya pimpin, daya tahan dan daya juang remaja kini perlu digilap dan dipertingkatkan untuk tujuan itu.

Menurutnya lagi, dua puluh tahun dari sekarang dijangkakan kehidupan akan banyak berubah. Pada ketika itu hanya mereka yang berilmu, yakin diri dan berani sahaja akan berjaya. Untuk itu remaja harus menyediakan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang relevan dan menguasai sekurang-kurangnya satu bidang kemahiran atau menjadi pakar dalam bidang-bidang penting dan kritikal. Remaja yang bermasalah dan tidak mempunyai kesedaran terhadap peranan diri masing-masing tidak akan memberi apa-apa makna kepada pembangunan negara malah mereka mungkin menjadi penghalang kepada proses pembangunan tersebut. Mereka ini kelak akan menjadi beban dan masalah kepada negara.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Sidek Mohd Noah dan Adnan Abu Bakar (2000), remaja merangkumi lebih separuh daripada keseluruhan penduduk negara kita yang berjumlah lebih kurang 22 juta orang. Oleh kerana bilangannya yang ramai maka masalah yang berkaitan dengan golongan remaja ini juga banyak. Salah satu daripadanya ialah masalah keruntuhan akhlak yang bukan sahaja berlaku di negara kita malah berlaku di semua negara di dunia ini. Gejala sosial walaupun tidak akan dapat diatasi sepenuhnya, namun dengan adanya langkah-langkah pencegahan dan pengawalan yang dibuat, ia mungkin dapat dikurangkan.

Delinkuen remaja menggambarkan ketidakupayaan mereka untuk menghadapi tekanan seperti tekanan sosial, psiko sosial, ekonomi dan keluarga yang mempengaruhi pandangan diri yang negatif dan tingkah laku yang tidak diterima. Kemungkinan terdapat perkaitan antara masalah-masalah tersebut dengan pandangan diri atau konsep sendiri yang negatif dan kegiatan delinkuen di kalangan remaja.

Menurut Adnan Abu Bakar (1999), statistik banyak menunjukkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja negara ini semakin serius. Jumlah remaja yang hilang atau lari dari rumah juga meningkat daripada seramai 3179 orang pada tahun 1990 kepada 4442 pada tahun 1992. Daripada jumlah ini 65.8 peratus adalah remaja. Sebahagian besar daripada yang lari dari rumah adalah kerana masalah keluarga yang berpunca daripada perselisihan faham dengan ibu bapa, kurang perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa serta tekanan daripada ibu atau bapa tiri yang menyebabkan mereka berbuat demikian. Antara beberapa punca yang dikenalpasti menyebabkan golongan remaja ini terlibat dengan permasalahan sosial adalah seperti berikut :

### 1.3.1 Pendidikan

Pendidikan agama yang cukup dapat mengawal remaja daripada terlibat dengan permasalahan sosial. Ini kerana mereka yang dididik dengan asas agama yang kukuh dapat mengawal desakan dan godaan untuk melakukan sesuatu perkara yang merosakkan diri sendiri dan orang lain. Kurang penekanan agama disebabkan ibu bapa yang jahil juga mengakibatkan anak-anak remaja mudah terpedaya dengan gejala yang tidak sihat. Ajaran akhlak seperti menghormati orang tua, adab sopan dan akhlak mulia sering diabaikan walhal menurut kajian yang dijalankan oleh Mitchelle, et al. (1989) mendapati ajaran agama boleh menjadi pelita atau satu regangan moral dalam diri remaja agar mereka dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral.

Menurut Mohd. Yusof (2000), bilangan pelajar yang terlalu ramai di dalam kelas juga menyebabkan seseorang guru itu tidak dapat mengawal dan tidak mempunyai masa yang cukup untuk memastikan setiap pelajar berkembang dalam semua aspek. Aspek-aspek seperti kesihatan fizikal, emosi, mental, moral, sosial dan rohani amat diperlukan bagi mewujudkan pelajar yang seimbang. Seseorang remaja atau pelajar yang tidak seimbang pertumbuhannya akan merasa tertekan dalam keadaan ini boleh diubah ke dalam perlakuan yang tidak sihat.

### 1.3.2 Taraf hidup

Taraf hidup yang rendah juga berkait rapat dengan gejala sosial di kalangan remaja. Keadaan rumah yang sempit dengan bilangan ahli keluarga yang ramai menyebabkan remaja merasa tidak selesa dan terkongkong dengan keadaan tersebut. Walaupun bukan semua orang yang kaya itu bahagia, namun kemiskinan boleh merupakan tekanan lebih-lebih lagi kepada yang mempunyai kemampuan untuk menjadi seorang yang cemerlang dalam pelajaran (Mohd. Yusoff, 2000).

### 1.3.3 Pengaruh persekitaran

Pengaruh persekitaran yang terdiri daripada media cetak dan media elektronik juga banyak mempengaruhi remaja. Ini berlaku apabila remaja terpengaruh dengan iklan yang ditonjolkan dan juga individu-individu tertentu yang dianggap sebagai idola mereka. Umpamanya di Amerika Syarikat ramai remaja yang mengandung luar nikah kerana terpengaruh dengan artis-artis yang “*single parent*”. Kadangkala dapat kita lihat bagaimana filem-filem barat yang menonjolkan cinta yang biasanya berkesudahan dengan mainan asmara yang menyebabkan remaja kita menganggap itu sebagai adat bercinta (Mohd. Yusoff, 2000).

### 1.3.4 Faktor keluarga

Ibu bapa yang terlalu sibuk dan tidak mempunyai masa untuk bersama anak-anak juga merupakan antara faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan gejala sosial. Ada di kalangan ibu bapa yang terlalu mementingkan kebendaan menyebabkan mereka sentiasa sibuk mengejar harta tanpa menghiraukan kehidupan anak-anak. Oleh sebab itu anak-anak remaja ini akan memilih untuk keluar dari rumah dan mencari seseorang yang dapat memberi perhatian kepada mereka dan biasanya remaja ini akan mencari rakan sebaya (Mohd. Yusoff, 2000).

Menurut Manja (2000), terdapat kajian yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor keluarga yang mendorong seseorang remaja terlibat dengan gejala sosial. Antaranya ialah :

1. Hubungan yang tidak mesra atau kekurangan kasih sayang antara anak-anak remaja dan ibu bapanya.
2. Cara bapa mendisiplinkan anak lelaki.
3. Pengawasan ibu ke atas anak lelaki.

Menurut Mohd Yusoff (2000), mereka yang terlibat dengan masalah sosial ini biasanya datang daripada keluarga yang porak peranda, ibu bapa yang tidak mesra dan disiplin anak yang terlalu longgar. Akibatnya wujud hubungan emosi yang terlalu lemah antara ibu bapa dan anak-anak. Apabila remaja ini gagal membentuk kawalan dalam diri atau meresapkan nilai-nilai ibu bapa, maka mereka akan mudah terlibat dengan permasalahan sosial.

Berita Harian (20 Oktober 1998) melaporkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu mendapati keruntuhan institusi keluarga adalah punca utama kepada peningkatan masalah sosial di kalangan remaja di bawah umur di negeri tersebut.

Berita Harian (30 Oktober 1998) melaporkan bahawa menurut Zaleha Ismail, kanak-kanak daripada keluarga nukleus kurang berkesempatan berinteraksi dengan keluarga dan menyebabkan gejala sosial mudah mempengaruhi mereka.

Harian Metro (1 Februari 1999) pula melaporkan bahawa menurut Zaleha Ismail, gejala sosial yang semakin menular berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga dan kurangnya kasih sayang keluarga.

Laporan-laporan di atas menunjukkan bagaimana institusi keluarga menyumbang kepada wujudnya gejala sosial dalam masyarakat. Keruntuhan institusi keluarga, tiada kesempatan untuk berinteraksi dengan ahli keluarga dan juga keruntuhan keluarga serta kurang kasih sayang merupakan antara faktor yang dianggap serius dalam masyarakat.

Berita Harian (12 Julai 2000) melaporkan bahawa Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Fatimah Saad menyifatkan aliran keluarga sekarang sudah tidak seperti dulu di mana terdapat kekurangan elemen yang menyebabkan struktur keluarga menjadi goyah. Sehubungan dengan itu beliau menyarankan setiap ahli keluarga perlu tahu peranan masing-masing. Namun apa yang wujud sekarang ialah nilai dalam keluarga seperti kasih sayang, komitmen, kerjasama,